

17 MAR 1999

Ling-Sirkuit

KABINET MAHU SIRKIT FI DIPASANG LAMPU

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Sirkuit Formula 1 (FI) di Sepang akan dipasang lampu bagi membolehkan perlumbaan dan acara lain dilangsungkan pada waktu malam bagi memastikan kemudahan itu digunakan sepenuhnya.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kabinet hari ini memutuskan supaya usaha dibuat bagi memasang lampu di sirkuit baru berharga RM286 juta itu yang dikatakan antara yang terbaik di dunia.

"Mereka tidak boleh mengadakan hanya satu perlumbaan setahun dan membiarkannya seperti itu. Ia perlu ada lebih banyak acara selain daripada itu," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Dr Ling berkata sirkuit yang cantik itu boleh digunakan untuk tujuan lain seperti perarakan dan perlumbaan waktu malam, seperti sirkuit Batu Tiga di Shah Alam yang dilengkapi lampu.

Dr Ling berkata beliau percaya Malaysia Airports Berhad, pemilik sirkuit itu, akan mengkaji cara bagi menggunakan sepenuhnya sirkuit sepanjang 5.542 kilometer itu.

Mengenai kos memasang lampu berkenaan, Dr Ling berkata beliau memulangkan perkara itu kepada Malaysia Airports.

Dibina di kawasan bekas ladang kelapa sawit seluas 260 hektar, sirkuit itu yang siap pada Disember 1998 dirasmikan oleh Perana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 9 Mac.

Sirkuit itu akan menjadi tempat berlangsungnya pembukaan liga Kejohanan Grand Prix Motosikal Dunia pada 18 April dan Formula One pada 17 Okt.

Mengenai peranan Penerbangan Malaysia (MAS) dan Malaysia Airports dalam mempromosikan Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, beliau berkata kedua-dua agensi itu mempunyai peranan penting mengurus dan mempromosikan lapangan terbang itu.

"... kedua-dua organisasi itu bekerja rapat bersama dan mereka perlu bekerja dan bekerjasama lebih rapat jika mereka mahu berjaya dalam menjadikan KLIA sebagai pusat yang penting," katanya.

Mengenai pencapaian KLIA, beliau berkata ia bertambah baik daripada segi perkhidmatan tetapi perlu memperbaiki urusan seperti mengurangkan bilangan beg yang hilang.

Purata kehilangan beg di KLIA adalah 25 peratus bagi 10,000 beg sehari berbanding lapan beg bagi 10,000 beg sehari mengikut piawaian antarabangsa.

"KLIA bertambah baik. Tetapi anda tidak boleh berpuas hati dan relaks ... 25 bagi 10,000 sehari, ini masih perlu diturunkan," katanya.

Mengenai pengendalian kargo di KLIA, Dr Ling berkata perkhidmatan itu semakin cekap dengan sistem komputer.

"Saya sudah bercakap, sebagai contoh dengan industri elektronik Malaysia-Amerika yang menjadi pengguna yang besar. Mereka memuji kita daripada segi keselamatan dan integriti. Ia lebih baik daripada Subang (Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah)," katanya.

-- BERNAMA

RV LAT RON